

Anak lupa jasa biar ibu bapa melarat

Hampir 70 peratus penghuni Rumah Seri Kenangan dihantar darah daging sendiri

Laporan Khas

Oleh Azrul Affandi Sobry

S EORANG ibu mampu menjaga dan mencurahkan sepenuh kasih sayang terhadap berbelas-belas orang anak, tetapi berbelas-belas orang anak belum tentu mampu menjaga seorang ibu, apatah lagi apabila ditambah dengan desakan suami atau isteri yang tidak rela hidup se-bumbung menjaga kebajikan ibu bapa yang sudah semakin memanjat usia tua.

Keadaan itu perlu diakui semua pihak kerana lihatlah di mana saja, ibu atau ayah tidak pernah jemu mendodoikan anak, menghalau nyamuk daripada hinggap di badan anaknya, malah sanggup bersengkang mata mencari rezeki bukan untuk memenuhi kehendaknya, tetapi untuk memastikan makan pakai anak mencukupi.

Menjelang Aidilfitri, keadaan itu lebih jelas apabila si ayah sanggup menahan gelora melihat rakan mengerumuni pusat jualan murah untuk berhias pada pagi hari raya ke-

rana lebih mengutamakan anak supaya dapat segar berbaju baru, malah tidak kisah membelikan pelbagai jenis pakaian semata-mata demi anak tersayang.

Namun, keadaan itu nyata berbeza apabila anak mencecah usia dewasa, bersuami atau beristeri. Berapa ramai yang sanggup mengenang kembali jasa dan pengorbanan ibu bapa membesarkan mereka sehingga ada yang terpaksa mengikat perut demi memastikan kebajikan anak terjaga.

Lebih menghairankan apabila kebanyakan anak, terutama lelaki lebih tunduk kepada kehendak isteri yang tidak betah bersama mentua sehinggalah ada yang tergamak menghantar ibu atau ayah yang tua tinggal di pusat penjagaan warga emas seperti Rumah Seri Kenangan (RSK).

Di mana hilangnya norma kasih sayang yang terbina sejak kecil sehinggalah tiada lagi simpati dan kasih kepada ibu bapa, malah ada yang terus membiarkan ibu bapa merengkok kesedihan menahan sepi dan menyeka air mata di kelilingi rakan yang turut sama dimamah usia.

Pastinya, jika ditanya kepada siapapun tidak akan sanggup dihantar ke RSK atau ke mana saja dan

INFO

Statistik bilangan penghuni Rumah Seri Kenangan seluruh negara sehingga Ogos 2007

Kumpulan etnik	Lelaki	Wanita	Jumlah
Melayu	442	338	780
Cina	356	162	518
India	268	128	396
Lain-lain	9	5	14
Jumlah besar			1,708

Info: Kos catuan makan/minum setiap individu sehari RM8.00

Sumber: Bahagian Warga Tua dan Keluarga, JKM

mahu menghabiskan sisa hidup, di samping keluarga tersayang terutama anak yang dibesarkan.

Realiti yang lebih menghairankan apabila pihak ketiga atau menantu yang dijemput secara terhormat menjadi salah seorang anggota keluarga tergamak menjadi duri dalam daging menyingkirkan ibu bapa yang selama ini teguh menyemai kasih sayang bersama anak tersayang.

Jika anak perempuan terpaksa menuruti kehendak suami mungkin masih boleh dimaafkan, tetapi bagaimanapun

mana pula jika anak lelaki terpaksa tunduk pada kehendak isteri sehingga sanggup melupakan kewajipan terhadap ibu bapa seperti yang sudah digariskan agama?

Realiti ini bukan omong kosong kerana jika menjengah ke mana saja pusat penjagaan orang tua, boleh dikatakan hampir 70 peratus penghuni di sana masih mempunyai anak, tetapi terpaksa membawa diri terperosok di sudut penuh duka kerana tidak mendapat tempat di hati anak, terutama akibat tidak 'sebulu' de-

ngan menantu.

Justeru, cadangan Puteri Umno dan Majlis Belia Malaysia (MBM) supaya kerajaan menggubal akta khusus menghukum anak yang tidak menjaga kebajikan serta mengabaikan ibu bapa adalah satu pandangan yang wajar diberi perhatian supaya gejala ini tidak terus menjadi budaya masyarakat negara ini.

Jangan nanti kerana terlalu mengejar pembedaan, norma kasih sayang terus hilang dalam diri masyarakat negara ini sehingga meletakkan status ibu bapa seperti kain buruk yang boleh diletak dan dicampak di mana saja.

Masyarakat perlu disedarkan kembali mengenai peranan ibu bapa dalam membesarkan mereka dan perlu diajak kembali meletakkan ibu bapa di tempat yang sewajarnya, malah lebih tinggi daripada segala-gala yang ada di dunia.

Tanpa ibu dan bapa, tidak akan ada kita di dunia. Jangan kelam mata mendapat isteri bak bidadari, ibu bapa yang sudah tua tidak dipandang lagi. Syurga itu di bawah tapak kaki mereka, bukan di hujung telunjuk isteri. Buka mata, lapangkan hati, tetapkan iman. Ingat keluarga tersayang.